

Perdana Menteri lancar Skim Bantuan Kasih Felda hari ini
Utusan Online
20 Julai, 2012

JERANTUT 19 Julai - Penduduk Felda Padang Piol, dekat sini berbangga apabila kawasan itu dipilih sebagai tuan rumah majlis Pelancaran Skim Bantuan Kasih Felda Peringkat Nasional yang bakal disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak esok.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Felda Padang Piol, Mohd. Sabri Abd. Rahman berkata, segala persiapan telah dilakukan bagi menyambut kehadiran pemimpin nombor satu negara itu ke tanah rancangan berkenaan.

Kehadiran Perdana Menteri katanya, akan diiringi oleh konvoi 1,000 motosikal yang terdiri daripada generasi kedua Felda bermula dari Simpang Batu 10 sehinggalah ke tapak pelancaran di padang awam Felda Padang Piol.

"Setelah mendapat berita untuk menjadi tuan rumah pelancaran skim berkenaan melalui Pengurus Felda Wilayah Jengka, Saari Din minggu lalu, kami terus melakukan persiapan bagi menyambut kedatangan Perdana Menteri.

"Kami sangat gembira kerana Perdana Menteri memilih Felda Padang Piol untuk menjadi tuan rumah bagi pelancaran skim berkenaan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata, lima kampung yang terletak berhampiran tanah rancangan tersebut iaitu Sungai Putat, Tanjung Betong, Gajah Mati, Sungai Yak dan Kampung Doja akan turut mendapat manfaat daripada program berkenaan.

"Terdapat beberapa program lain yang telah disediakan sempena majlis esok termasuk pemeriksaan kesihatan, pameran Kolej Yayasan Felda dan pemberian cermin mata percuma.

"Justeru, semua penduduk disaran turun beramai-ramai untuk menjayakan majlis tersebut yang bermula pukul 9 pagi di samping menjaga tingkah laku dan nama baik Felda," ujarnya.

Perdana Menteri sebelum ini telah mengumumkan peruntukan dana kepada Yayasan Felda untuk membaik pulih rumah-rumah kampung tradisional berdekatan kawasan tanah rancangan Felda di seluruh negara.

Perkara itu diumumkan pada 8 Mei lalu sempena pengumuman jumlah durian runtuh berikutan penyenaian Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) di Bursa Malaysia.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120720/dn_20/Perdana-Menteri-lancar-Skim-Bantuan-Kasih-Felda-hari-ini